

# **PENGURANGAN KADAR CARUMAN BERKANUN SYER PEKERJA 2016**

**DIBENTANG OLEH : EN ABU BAKAR BIN MOHD @ SALLEH**

**DISEDIAKAN OLEH : EN ABDUL MUN'IM BIN AMRAN  
SEKSYEN EMOLUMEN PINJAMAN DAN CUTI  
BELAJAR**

# MENGAPAKAH KADAR CARUMAN KWSP DITURUNKAN

- Ia selaras dengan Pengubahsuaian Bajet 2016 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2016
- Kadar caruman KWSP baru bermula Mac 2016

# KADAR PENURUNAN CARUMAN

Berumur tidak melebihi 60 tahun

- penurunan caruman pekerja sebanyak 3%  
**(caruman dikurangkan dari 11% kepada 8%)**

Berumur melebihi 60 tahun – 70 Tahun

- Penurunan caruman pekerja sebanyak 1.5%  
**(caruman dikurangkan dari 5.5 kepada 4 %)**

# TEMPOH KUATKUASA PENURUNAN CARUMAN KWSP PEKERJA

- Mulai caruman April 2016 (*Gaji dan Upah Mac 2016*) sehingga caruman Januari 2018 (*Gaji dan Upah Disember 2017*)
- **Secara Automatik semua staf UTM yang mencarum KWSP akan terlibat dan berubah kadar caruman pekerja **berkuatkuasa MAC 2016****

# KEKAL KADAR CARUMAN

- Staf UTM dibenarkan untuk mengekalkan kadar caruman pekerja 11% or 5.5 % melalui :

[Borang KWSP17A\(Khas 2016\)](#)

- Staf yang memilih kadar asal ( 11% atau 5.5%) adalah tidak dibenarkan membatalkan pemilihan/ menukar pemilihan

# PEMBATALAN KADAR 8% ATAU 4% CARUMAN PEKERJA

- Mulai upah/gaji bulan Januari 2018 (caruman bulan Februari 2018)
- Ahli/pekerja bertukar majikan. ( Ahli/pekerja hendaklah mengemukakan borang yang baharu bagi majikan baharu jika hendak mengekalkan kadar pilihan semasa)

# TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

- Menghantar senarai nama yang ingin mengekalkan caruman pekerja 11% atau 5.5% kepada pihak KWSP.
- Menukar kadar caruman KWSP Pekerja dari 11% kepada 8% bagi staf umur < 60 tahun atau dari 5.5% kepada 4% bagi staf umur 60> ( staf yang terlibat)

# TANGGUNGJAWAB PEKERJA/ STAF UTM

- Mengisi borang KWSP 17A(Khas 2016) melalui sistem atau borang (bergantung kepada majikan) sekiranya ingin mengekalkan kadar lama iaitu 11% atau 5.5%
- Menghantar kepada majikan untuk disahkan dan dihantar ke KWSP (oleh majikan)



# KELEBIHAN MENGEKALKAN KADAR CARUMAN PEKERJA 11% ATAU 5.5%

- ✓ Perlepasan Cukai bagi KWSP maksimum RM 6,000.00
- ✓ Simpanan bertambah untuk masa depan (Hari Tua) .
- ✓ Jumlah dividen yang diterima tinggi kerana simpanan tinggi( 6% kadar minimum)

# KELEBIHAN PEUNURUNAN KADAR CARUMAN PEKERJA 11% ATAU 5.5%

- ✓ Gaji bersih yang diterima lebih besar
- ✓ Mempunyai kuasa beli yang tinggi
- ✓ Dapat menampung peningkatan kos sara hidup yang tinggi.
- ✓ Duit lebihan yang diterima boleh dilaburkan di institusi yang memberi kadar dividen yang tinggi.

# KADAR CARUMAN PEKERJA

## 11% VS 8%

### 1. Contoh Perlepasan cukai (11%)

Gaji Kasar RM 6,000.00

Kadar KWSP 11% = 660.00 setiap bulan

Pendapatan bercukai = RM 6,000.00 x 12  
= RM 72,000.00

Perlepasan cukai KWSP = RM 660.00 x 12  
= RM 7,920.00 (maksimum RM 6,000)

Pendapatan bercukai = RM 72,000.00 - RM 6,000.00  
= RM 66,000.00 ( tidak mengambilkira  
perlepasan lain )

# KADAR CARUMAN PEKERJA

## 11% VS 8%

### 1. Contoh Perlepasan cukai (8%)

Gaji Kasar RM 6,000.00

Kadar KWSP 8% = 480.00 setiap bulan

Pendapatan bercukai = RM 6,000.00 x 12  
= RM 72,000.00

Perlepasan cukai KWSP = RM 480.00 x 12  
= RM 5,760.00

Pendapatan bercukai = RM 72,000.00 - RM 5,760.00  
= RM 66,240.00 (tidak mengambilkira  
perlepasan lain )

# KADAR CARUMAN PEKERJA

11% VS 8%

## 2. Gaji bersih diterima lebih besar

Gaji Kasar RM 6,000.00

Kadar KWSP 11% = 660.00 setiap bulan

Gaji bersih = RM 6000.00 - 660.00

= RM 5,340.00 bulanan

= RM 64,080.00 tahunan

Kadar KWSP 8% = 480.00 setiap bulan

Gaji bersih = RM 6000.00 - 480.00

= RM 5,520.00 bulanan

= RM 66,240.00 tahunan

Beza = RM 180.00 sebulan

# KUMPULAN SASAR (UTM)

- Staf tetap dalam tempoh percubaan
  
- Staf kontrak (lantikan UTM)
  - a. Staf telah bersara telah mencapai umur 60 tahun dilantik semula secara kontrak
  - b. Staf telah bersara belum mencapai umur 60 dilantik semula secara kontrak
  - c. Staf lantikan kontrak

# KUMPULAN SASAR (UTM)

- Staf kontrak (lantikan tabung)
- Post Doctoral ( warganegara Malaysia)
- Staf yang dilanjutkan tempoh percubaan
- Staf tetap yang memlih pencen KWSP
- Staf Sambilan
- Staf sementara

# SENARAI PILIHAN KEPUTUSAN UTM

- Mengekalkan semua staf UTM mencarum pada kadar semasa iaitu : 11% atau 5.5%

*Tiada sebarang perubahan pada sistem dan pelaksanaannya*

- Menetapkan semua staf wajib mencarum 8% atau 4%

*1. Perubahan pada sistem UTMHR & UTMFin*

*2. Kertas kerja kelulusan JPU untuk menetapkan wajib mencarum kadar baru*



# SENARAI PILIHAN KEPUTUSAN UTM

➤ Melaksanakan caruman mengikut pilihan staf sama ada pada kadar baru ( 8% or 4%) atau kadar semasa (11% or 5.5%).

- 1. Pemakluman kepada staf UTM untuk pemilihan kadar KWSP*
- 2. Pengisian borang KWSP 17A bagi kumpulan sasaran di UTM*
- 3. Penghantaran borang pengesahan kepada KWSP*
- 4. Perubahan pada sistem UTMHR & UTMFin*

# CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN PEMILIHAN KADAR KWSP

Bil	Perkara	Tarikh	
1	Mesyuarat Pelaksanaan Pengurangan kadar caruman berkanun KWSP Syer Pekerja	11/02/2016	
2.	Pemakluman kepada staf UTM untuk pemilihan kadar KWSP	18/02/2016	
3.	Pembangunan sistem Pemilihan Kadar KWSP	14/02/2016- 28/02/2016	Sekiranya Perlu/ sesuai / mampu
4.	Pemilihan Kadar KWSP	28/02/2016 29/02/2016	JOHOR KUALA LUMPUR
5.	Penarikan data UTMHR	10/03/2016	
6.	Penghantaran Laporan Notis pilihan mencarum melebihi kadar berkananun syer pekerja ke KWSP	17/03/2016	KWSP Johor Bahru
7.	Penghantaran bayaran pada kadar yang telah dipilih dan kadar baru	15/03/2016	

# Sesi Soal Jawab



